

14 MAR 2000

Umno-Johor

EMPAT KETUA UMNO BAHAGIAN DI JOHOR NAFI DAKWAAN MUHYIDDIN

JOHOR BAHRU, 14 Mac (Bernama) -- Empat Ketua Umno Bahagian di Johor hari ini menafikan terdapatnya arahan oleh pihak tertentu untuk menyekat pencalonan Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi bertanding jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Mereka ialah Adam Abdul Hamid (Senai), Othman Jais (Segamat), Datuk Mazlan Abu (Bakri) dan Baharom Abdul Ghani (Gelang Patah), yang membuat penafian itu pada persidangan media di Pejabat Menteri Besar di sini.

"Pada mulanya kita tidak mahu membuat kenyataan kerana ia masalah dalaman tetapi terpaksa berbuat demikian kerana ia sudah diketahui umum termasuk komen presiden parti. Kita berasa bertanggungjawab untuk membuat kenyataan," kata Adam.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan media di sini, semalam berkata Muhyiddin perlu membuktikan dakwaannya kepada Majlis Tertinggi (MT) bagi membolehkan MT meneliti dakwaan itu.

Ahad lepas, Muhyiddin yang juga Ketua Umno Bahagian Pagoh mendakwa 16 daripada 20 bahagian Umno di Johor telah diarah oleh pihak tertentu supaya tidak mencalonkannya bagi jawatan naib presiden.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu mendakwa bahagian-bahagian terbabit diarah supaya hanya mencalonkan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman sebagai calon tunggal dari Johor untuk bertanding bagi jawatan itu.

Selain Abdul Ghani dan Muhyiddin, seorang lagi calon dari Johor yang menawarkan diri bertanding untuk jawatan naib presiden ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Syed Hamid ialah timbalan pengerusi perhubungan dan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi.

Adam berkata pada mulanya Umno Johor hanya memutuskan untuk mencalonkan Abdul Ghani untuk jawatan naib presiden dan ia dicapai pada mesyuarat Perhubungan Umno Johor yang diadakan sebelum pilihan raya umum November lepas.

Katanya, cadangan itu dibuat oleh Mazlan tetapi selepas itu mesyuarat Perhubungan Umno Johor memutuskan untuk bersikap terbuka dalam soal pencalonan naib presiden kerana terdapat ramai calon dan keputusan itu dicapai berdasarkan pandangan Abdul Ghani selaku Pengerusi Perhubungan Umno Johor.

"Tidak adil bagi Muhyiddin untuk mengatakan bahawa terdapat arahan tertentu untuk menyekat pencalonannya walhal ia tidak benar," kata Adam.

Mazlan pula berkata Umno Johor sudah matang dan bahagian-bahagian mempunyai maruah diri.

"Kita menilai kepada prestasi (calon). Calon-calun dari luar Johor juga bertanding. Jika seseorang calon itu tidak layak, dia tidak layak," katanya.

-- BERNAMA

MKO NMO